

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : **20 MEI 2015 (RABU)**

SOALAN : **Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah usaha Kementerian bagi memastikan bekalan makanan utama rakyat pada masa hadapan tidak terjejas memandangkan pembangunan dan pemilikan rumah telah banyak menyebabkan tanah pertanian ditukar status.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan bekalan makanan utama rakyat pada masa hadapan mencukupi dan tidak terjejas kesan dari pengurangan kawasan pertanian yang digunakan untuk tujuan bukan pertanian. Antaranya ialah:

- i) bekerjasama dengan Kerajaan Negeri melaksana Projek Pertanian Berimpak Besar seperti pelaksanaan Taman Kekal

- Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA) dan *Entry Point Projects* di bawah NKEA Pertanian;
- ii) menggalakkan penggunaan tanah pertanian secara optimum di mana kawasan tanaman semula kelapa sawit akan dibangunkan dengan tanaman selingan singkat masa seperti pisang, nanas dan tembikai serta menjalankan projek integrasi ternakan di kawasan perladangan industri;
 - iii) pembangunan empat (4) kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan (7,211 hektar) dan Rompin (5,094 hektar) di Pahang, Batang Lupar (5,100 hektar) di Sarawak dan Kota Belud (8,500 hektar) di Sabah sebagai jelapang padi Negara yang baru. Dengan pembukaan empat (4) IADA baru seluas 25,905 hektar ini, pengeluaran padi negara akan dapat ditingkatkan dan jumlah import beras negara dapat dikurangkan
 - iv) mempergiatkan pembangunan tanah terbiar yang ketika ini dianggarkan berjumlah 100,000 hektar untuk dibangunkan dengan aktiviti pertanian seperti tanaman buah-buahan dan padi;
 - v) mempergiat aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang fokus kepada peningkatan produktiviti dan pengeluaran hasil secara mampan. Antara bidang fokus utama R&D meliputi pembangunan varieti dan baka, pengeluaran benih, pengeluaran makanan ternakan dan akuakultur, bioteknologi, mekanisasi dan automasi, sistem pengeluaran di bawah *modified environment*, kaji penyakit, piawaian dan gred serta pemuliharaan sumber dan teknologi hijau. Antara penemuan terbaru R&D adalah pembangunan teknologi padi "Aerob" iaitu teknologi baru tanaman padi tanpa air bertakung; dan
 - vi) menggalakkan penggunaan mekanisasi dan automasi bagi meningkatkan pengeluaran hasil dan produktiviti makanan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, Kerajaan sentiasa proaktif dalam usaha memastikan bekalan makanan utama kepada rakyat tidak terjejas walaupun berlaku pengurangan tanah pertanian.